

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

1.1 Konsep Kedaulatan (Buku Teks m.s. 4 – 7)

1 Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan negara bangsa negara kita.

- Kemerdekaan Tanah Melayu 31 Ogos 1957
- Pembentukan Malaysia 1963

Apakah konsep yang boleh dikaitkan dengan pembentukan tersebut?

- A Kedaulatan C Kesungguhan
B Kewibawaan D Kesamarataan

(Buku Teks m.s. 4)

2 Senarai berikut merujuk kepada maksud konsep.

- Kekuasaan tertinggi
- Kebebasan
- Kemerdekaan

Apakah konsep tersebut?

- A Kebanggaan C Kedaulatan
B Pentadbiran D Perlembagaan

(Buku Teks m.s. 4)

3 Apakah asas yang menunjukkan Malaysia sebuah negara yang berdaulat?

- A Mempunyai hak mentadbir negara
B Mengiktiraf kedudukan orang Melayu
C Mengekalkan kerjasama antara kaum
D Memajukan dasar pendidikan kebangsaan

(Buku Teks m.s. 4)

4 Senarai berikut berkaitan dengan perkataan kedaulatan.

- *Supernuus*
- *Superanus*

Perkataan tersebut merujuk kepada ...

- A Bahasa Arab C Bahasa Melayu
B Bahasa Yunani D Bahasa Inggeris

(Buku Teks m.s. 4)

5 Apakah takrif kedaulatan mengikut bahasa Yunani?

- A Kekuasaan tertinggi pada raja
B Negara yang bebas dan merdeka
C Kerajaan bertindak sebagai pemerintah
D Negara berkuasa terhadap pemerintahan

(Buku Teks m.s. 4)

6 Senarai berikut merujuk kepada perkataan kedaulatan dalam bahasa Inggeris.

Sovereignty

Apakah maksud perkataan tersebut?

- A Negara berkuasa penuh dalam pentadbiran
B Negara bersatu menentang penceroboh luar
C Negara berhak menentukan sempadan negeri
D Negara berjuang menuntut kemerdekaan mutlak

(Buku Teks m.s. 4)

7 Apakah perkataan yang merujuk kedaulatan dalam bahasa Arab?

- A *Daulat*
B *Daulah*
C *Derhaka*
D *Dermawan*

(Buku Teks m.s. 4)

8 Pernyataan manakah merujuk kepada istilah *daulah*?

- A Kuasa kewibawaan seseorang pemimpin
B Kuasa raja sebagai ketua pemerintah negara
C Kuasa tertinggi berlandaskan perlembagaan
D Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan

(Buku Teks m.s. 4)

9 Apakah takrif kedaulatan dalam bahasa Melayu?

- A Kebebasan negara
B Kuasa kerajaan
C Keagungan pemimpin
D Kuasa tertinggi negara

(Buku Teks m.s. 4)

- 10 Tokoh berikut terlibat dalam pemberian tafsiran berkaitan dengan istilah sejarah.

- Aristotle
- Jean Bodin
- Ibnu Khaldun
- Tunku Abdul Rahman

Apakah istilah tersebut?

- A Perlembagaan
- B Nasionalisme
- C Persekutuan
- D Kedaulatan

(Buku Teks m.s. 5)

- 11 Tokoh berikut mentafsirkan kedaulatan sesebuah negara berasaskan kekuatan semangat.



Ibnu Khaldun

Apakah kekuatan semangat tersebut?

- I Semangat berpolitik
 - II Semangat perpaduan
 - III Semangat beragama
 - IV Semangat kekitaan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 5)

- 12 Apakah persamaan sumbangan tokoh falsafah Barat berikut?

- Aristotle (Yunani)
- Jean Bodin (Perancis)

- A Penyatuan negara
- B Tafsiran kedaulatan
- C Pengasas realpolitik
- D Kediktatoran pemerintah

(Buku Teks m.s. 5)

- 13 Siapakah tokoh yang memberi takrif kedaulatan berikut?

- Merupakan kuasa tertinggi
- Mempunyai sifat kekal
- Mempunyai kuasa tidak terbatas

- A Aristotle
- B Tun Dr. Mahathir Mohamad
- C Tun Dr. Mohamed Salleh Abas
- D Jean Bodin

(Buku Teks m.s. 5)

- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan tafsiran kedaulatan.

Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Siapakah tokoh yang memberi takrif tersebut?

- A Tun Abdul Razak
- B Tunku Abdul Rahman
- C Dr. Burhanuddin al-Helmi
- D Tun Dr. Mohamad Salleh Abas

(Buku Teks m.s. 5)

- 15 Mengapakah kedaulatan sesebuah negara perlu mendapat pengiktirafan negara lain?

- I Menjamin kesejahteraan rakyat
 - II Mengekalkan kemakmuran negara
 - III Memperoleh kemerdekaan negara
 - IV Mengatasi kemunduran ekonomi
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 5)

- 16 Pernyataan berikut berkaitan dengan kedaulatan yang diamalkan oleh sesebuah negara.

- Kedaulatan tradisional
- Kedaulatan moden
- Kedaulatan undang-undang
- Kedaulatan rakyat

Apakah hubungkait pernyataan tersebut dengan kedaulatan?

- A Jenis kedaulatan C Ciri-ciri kedaulatan
- B Sistem kedaulatan D Konsep kedaulatan

(Buku Teks m.s. 6 – 7)

- 17 Bagaimanakah jenis kedaulatan sesebuah negara ditentukan?

- A Rumpun bahasa
- B Etnik kerakyatan
- C Sempadan negeri
- D Bentuk pemerintahan

(Buku Teks m.s. 6)

- 18 Pilih pasangan yang tepat berkaitan dengan bentuk kedaulatan berikut.

	Bentuk Kedaulatan	Maksud
A	Kedaulatan moden	Berasaskan sistem pemerintahan berkuasa mutlak
B	Kedaulatan tradisional	Kedaulatan terletak pada kewibawaan pembesar
C	Kedaulatan antarabangsa	Merujuk pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
D	Kedaulatan undang-undang	Kerajaan dan rakyat terikat oleh kesetiaan terhadap raja

(Buku Teks m.s. 6 – 7)

- 19 Bagaimanakah kedudukan raja ditentukan mengikut kedaulatan tradisional?

- A Kesetiaan rakyat
- B Kestabilan politik
- C Kekuatan ketenteraan
- D Keunggulan perlembagaan

(Buku Teks m.s. 6)

- 20 Jenis kedaulatan manakah yang telah wujud sejak tamadun awal manusia?

- A Kedaulatan moden
- B Kedaulatan antarabangsa
- C Kedaulatan undang-undang
- D Kedaulatan tradisional

(Buku Teks m.s. 6)

- 21 Kedaulatan negara kita adalah berlandaskan jenis kedaulatan tradisional.

Apakah bukti untuk menyokong pernyataan tersebut?

- A Kerjasama semua rakyat
- B Kekuasaan Raja-raja Melayu
- C Kecemerlangan sosioekonomi
- D Keupayaan menentang penjajahan

(Buku Teks m.s. 6)

- 22 Peristiwa berikut telah membentuk kedaulatan negara Eropah.

- Revolusi Perancis
- Revolusi Keagungan di England

Apakah bentuk kedaulatan tersebut?

- A Kedaulatan moden
- B Kedaulatan tradisional
- C Kedaulatan antarabangsa
- D Kedaulatan undang-undang

(Buku Teks m.s. 6 – 7)

- 23 Apakah tunjang utama kedaulatan moden?

- I Hak rakyat
- II Ketua pemerintahan
- III Pembangunan lahiriah
- IV Kerajaan berperlembagaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 6)

- 24 Selepas Perang Dunia Pertama, kedaulatan dikaitkan dengan nasionalisme untuk membentuk negara bangsa masing-masing.

Apakah unsur nasionalisme tersebut?

- A Persamaan rumpun agama
- B Persamaan rumpun bahasa
- C Persamaan rumpun budaya
- D Persamaan rumpun ekonomi

(Buku Teks m.s. 6)

- 25 Bagaimanakah kedaulatan moden negara bangsa kita terbentuk?

- A Penyatuan parti politik
- B Perpaduan antara kaum
- C Penggabungan negeri-negeri
- D Pelaksanaan pilihan raya umum

(Buku Teks m.s. 6)

- 26 Mengapakah kerajaan dan rakyat perlu mematuhi sistem perundangan negara?

- A Membentuk negara persekutuan
- B Mendapat pengiktirafan dunia
- C Mengukuhkan maruah negara
- D Mengekalkan keamanan negara

(Buku Teks m.s. 7)

27 Pernyataan berikut merujuk kepada jenis kedaulatan bagi sesebuah negara.

- Menjamin keadilan bermasyarakat
- Mengukuhkan kestabilan dan kemakmuran negara

Apakah jenis kedaulatan tersebut?

- A Kedaulatan moden
- B Kedaulatan tradisional
- C Kedaulatan antarabangsa
- D Kedaulatan undang-undang

(Buku Teks m.s. 7)

28 Gambar berikut berkaitan dengan badan kehakiman negara Malaysia.



Istana Kehakiman di Putrajaya

Mengapakah badan kehakiman perlu bersifat bebas dan berwibawa?

- A Memantau struktur pentadbiran negara
- B Memelihara kedaulatan undang-undang
- C Membendung perbalahan antara rakyat
- D Mengatasi sebarang pencerobohan luar

(Buku Teks m.s. 7)

29 Negara berdaulat perlu mendapat pengiktirafan supaya tidak dicabuli oleh negara lain.

Apakah pertubuhan yang memberi pengiktirafan tersebut?

- A OIC
- B PBB
- C NAM
- D Komanwel

(Buku Teks m.s. 7)

30 Rajah berikut berkaitan dengan ciri-ciri kedaulatan antarabangsa.

X

Pengesahan prinsip persamaan kedaulatan dari segi undang-undang antarabangsa

Apakah X?

- A Persidangan Damai Paris
- B Persidangan Kemuncak ASEAN
- C Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson
- D Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB

(Buku Teks m.s. 7)

31 Apakah bukti yang menunjukkan negara kita memperoleh kedaulatan antarabangsa?

- A Didatangi oleh pelabur luar
- B Diterima menganggotai PBB
- C Penglibatan dalam isu Palestin
- D Perlembagaan negara dihormati

(Buku Teks m.s. 7)

32 Malaysia telah mengamalkan bentuk kedaulatan antarabangsa.

Apakah kepentingan kedaulatan tersebut terhadap negara?

- A Menjamin keamanan negara
- B Mengukuhkan pemerintahan negara
- C Mengukuhkan kemakmuran ekonomi
- D Menjaga hal ehwal alam sekitar

(Buku Teks m.s. 7)

1.2 Ciri Negara yang Berdaulat

(Buku Teks m.s. 8 – 9)

33 Kedaulatan sesebuah negara dikaitkan dengan kebebasan dan kemerdekaan.

Apakah ciri-ciri yang menentukan kedaulatan tersebut?

- I Mempunyai ideologi
- II Mempunyai teknologi
- III Mempunyai sempadan
- IV Mempunyai pemerintahan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 8 – 9)

34 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri negara yang berdaulat.


- X
- Mempunyai sempadan
- Mempunyai perundangan
- Mempunyai pemerintahan

Apakah X?

- A Mempunyai rakyat
- B Mempunyai ketua negara
- C Mempunyai lambang negara
- D Mempunyai kerajaan

(Buku Teks m.s. 8 – 9)

- 35 Gambar berikut berkaitan dengan pemerintahan yang menjadi amalan negara kita.



Sistem Raja Berperlembagaan

Bagaimanakah pemerintahan tersebut diperkenalkan?

- A Pemantapan sistem pentadbiran negara
- B Penggubalan sistem perundangan negara
- C Pembentukan sebuah negara persekutuan
- D Penubuhan kerajaan negeri yang berdaulat

(Buku Teks m.s. 8)

- 36 Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen. Bagaimanakah sistem tersebut dilaksanakan?

- A Pemerintahan secara mutlak
- B Pemerintahan secara warisan
- C Pemerintahan secara realpolitik
- D Pemerintahan melalui perwakilan

(Buku Teks m.s. 8)

- 37 Apakah peranan utama Yang di-Pertuan Agong dalam pentadbiran negara?

- A Ketua Kerajaan
- B Ketua Institusi Beraja
- C Ketua Utama Negara
- D Ketua Pentadbir Negara

(Buku Teks m.s. 8)

- 38 Setiap negara berdaulat berusaha mewujudkan pemerintahan yang mantap.

Apakah kesan usaha tersebut terhadap negara?

- I Memudahkan perluasan kuasa
- II Membentuk sistem monarki
- III Menjamin kestabilan politik
- IV Memajukan ekonomi negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 8)

- 39 Peta berikut menunjukkan kedudukan Malaysia dengan negara jiran.



Bagaimanakah kedudukan setiap negara ditentukan?

- A Penyatuan politik
- B Pemeteraian perjanjian
- C Sistem pemerintahan
- D Sempadan antarabangsa

(Buku Teks m.s. 8)

- 40 Pernyataan berikut merujuk kepada sempadan Malaysia.

Malaysia merupakan negara yang berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei dan Filipina.

Mengapakah sempadan diwujudkan?

- A Penyatuan negara bangsa
- B Panduan pentadbiran negara
- C Garis pemisah antara negara
- D Identiti nasional sesebuah negara

(Buku Teks m.s. 8)

- 41 Apakah kepentingan kedaulatan undang-undang terhadap negara?

- A Membentuk pengkhususan kerja
- B Mengukuhkan pemerintahan beraja
- C Mendapat pengiktirafan antarabangsa
- D Menjamin keamanan negara

(Buku Teks m.s. 9)

- 42 Bagaimanakah rakyat negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum disatukan?

- I Adat resam
- II Anutan agama
- III Rukun Negara
- IV Bahasa kebangsaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 9)